

KONGRES BAHASA INDONESIA DI MEDAN

(Oleh ‘Abdullāh Ḥusīn)

(2)

Tentang jamuan “menebus dosa” yang diadakan oleh Madung Lubis itu, saya hanya dapat menceritakan apa yang saya dengar dari Bakhtīār Jamīl saja menurut Bakhtiar, tiap-tiap nama dari anggota rombongan Malaya ke kongres bahasa Indonesia di Medan itu telah lebih dulu dikemukakan kepada tuan rumah sebelum dipanggil makan dan ketika diketahuinya bahawa dalam rombongan itu ada seorang wartawan dari “Warta Masyarakat” maka oleh Madung Lubis disuruhnya tinggalkan saja, entah berapa orang dari kawan-kawan saya yang telah diundang makan ke rumah Madung Lubis itu saya pun kurang periksa. Memang dalam soal makan ini bukanlah menjadi tujuan mutlak kepada saya untuk menulis; tetapi “prinsipnya” jamuan itu diadakan yang menjadi bahan tulis ini. “Prinsipnya” seperti yang selalu kamu dengar selama kongres bahasa itu diadakan.

Pada tanggal 26 Oktober tiba pula dengan kapal “The Ayrin” Abū Ḥanīfah dan Nong Cik dari Singapura yang akan menggabungkan dirinya sebagai peninju di dalam rombongan Malaya. Entah bagaimana besoknya tersiar berita di dalam “Mimbar Ummu” bahawa kedua orang kawan ini telah mengeluarkan “*statement*” tentang perlakuan pegawai-pegawai imigrasi di Balawan katanya sebagai di dalam jel. Tetapi ini kemudian dibantah oleh Abū Ḥanīfah dengan satu surat kepada ketua pengarang surat khabar itu.

Memang harus diakui bahawa sekalipun rombongan

dari Malaya itu datangnya dalam bentuknya satu badan, dan tinggal pada satu hotel, namun hari-hari sebelum menjelang kongres itu diadakan, masing-masing pergi sendiri-sendiri saja ke mana-mana yang disukai olehnya, hanya beberapa orang yang istimewa saja yang dapat kesempatan mengunjungi beberapa surat khabar harian dan memberikan “*interview*” sambil mengabadikan dirinya dalam surat tersebut. Dalam rombongan itu telah ditetapkan seorang “*secretary*” dan seorang anggota perhubungan, yang menghubungkan antara utusan dari Malaya dengan kongres. Tetapi hasil daripada pengangkatan dua macam jabatan ini tidaklah kamu ketahui sampai kongres itu berakhir. Hanya yang kami dengar bahawa tiap-tiap malam diadakan perundingan di antara beberapa orang. Tetapi perundingan untuk apa kami yang lain tidak mengetahuinya, kecuali perundingan yang pertama dua malam sebelum kongres itu diadakan. Dalam perundingan itu, Hārūn Amīnul Rashīd sebagai ketuanya di antara lain-lain memberikan peringatan agar semua orang yang turut dalam rombongan itu menjaga kedudukannya sebagai utusan dari luar negeri dan tidak boleh mengeluarkan fikiran-fikiran kalau belum mendapat persetujuan daripada pucuk pemimpin rombongan itu.

Malam itu juga, iaitu malam perundingan yang pertama itu diadakan telah datang ke hotel The Bor beberapa orang

utusan daripada lembaga kebudayaan Melayu yang diketuai oleh Zahārī pemimpin perusahaan dan percetakan “Waktu”. Hampir satu jam setengah lamanya diadakan pertukaran fikiran dalam beberapa hal, terutama yang mengenai bahasa dan kebudayaan secara beramah-tamah mereka itu datang selain daripada untuk berkenal-kenal pun ialah untuk menyampaikan satu undangan makan malam pada malam berikutan iaitu pada tanggal 28 Oktober di rumah Tengku Bendahara di jalan mahkamah yang letaknya tak jauh dengan masjid raja.

Pada suatu hari saya telah menemani Kamal pergi berbelanja. Kami hanya berjalan kaki dari hotel itu menuju ke pusat pasar dan dari sana ke jalan Canton, satu jalan yang paling ramai, penuh dengan kedai-kedai kecil yang didirikan di tengah-tengah jalan. Kamāl mengatakan kepada saya bahawa kota Medan itu dapat dikenakan “kota basikal” kerana basikalnya terlalu banyak. Tetapi setelah saya terangkan kepadanya bahawa bukan saja di Medan. Malahan di mana-mana saja di Indonesia penuh dengan basikal maka nama itu entah dipakainya atau tidak saya pun belum mengetahuinya. Tetapi memanglah kalau orang pertama kali sampai di Medan dia akan melihat basikal dan beca hampir sama banyaknya dengan orang-orang yang

dijumpainya – Ya tiap-tiap satu orang ada satu basikal di tiap-tiap satu beca pula sudah tentu ada seorang pendayungnya. Basikal dan beca menjadi kenderaan rakyat, sedangkan motokar menjadi kenderaan kaum pertengahan dan kaum atasan, motorcif menjadi kenderaan tentera dan kepolisian. Kereta kuda atau sadu sudah tidak banyak lagi, hanya tinggal beberapa buah sahaja itu pun yang menunggang-nunggang penumpang kereta api di depan sesen dan di pusat pasar.

Jalan-jalan di Kota Medan masih kotor serta sempit-sempit, kesempitan ini ditambah pula dengan beca-beca dan basikal yang terlalu banyak. Kini keadaan ini bertambah hebat lagi kerana telah diadakan pula aturan-aturam “one way street” seperti di kota-kota besar Malaya. Kadang-kadang kita merasa kasihan melihat orang-orang yang mengendarai basikal itu turun menarik basikalnya untuk melintasi satu jalan yang sudah ditutup untuk kenderaan, seperti yang kejadian di antara jalan perdagangan dengan jalan setia di dekat gedung rikas. Jalan yang akan dilintasi itu tidak jauh, hanya lima enam meter saja, tetapi untuk menurut aturan lalu lintas dia harus mengelilingi satu jarak yang beratus-ratus meter panjangnya.



Rombongan Malaya yang telah berangkat ke kongres bahasa Indonesia di Medan.

Memang aturan “*one way street*,” ini sangat baik kalau diadakan di kota-kota besar, di mana banyak terdapat kenderaan bermotor, tetapi sangat menyusahkan rakyat seperti di Kota Medan yang banyak basikal dan beca, selain daripada dia harus banyak mengeluarkan tenaganya, pun sewa yang biasanya beberapa “perak” itu akan bertambah beberapa “perak” lagi. “Perak” ini adalah perkataan pengganti bagi “Rupiah” di Indonesia orang banyak memakai perkataan “perak” daripada perkataan “Rupiah”.

Sudah menjadi kebiasaan kepada orang-orang yang baharu datang kesalahan sebuah negeri untuk mengira mata wang negeri tersebut, lebih-lebih lagi seperti di Indonesia di mana wang kertasnya dalam beberapa bentuk. Wang yang berharga dua Rupiah setengah atau seringgit kata mereka, hampir serupa dengan wang yang berharga lima puluh sen. Banyak orang yang datang dari Malaya selalu keliru tentang sebutan Ringgit ini. Serupa sahaja dengan orang Indonesia yang datang ke Malaya. Kalau di Indonesia dikatakan seringgit, bererti dua Rupiah setengah dan ini pada pendapat orang dari Malaya ialah satu Rupiah sebab satu Ringgit di Malaya ialah seratus sen atau Satu Dollar. Orang Indonesia pun banyak yang keliru tentang satu ringgit ini, kalau mereka berbelanja di Cinchali misalnya, mereka mengira bahawa satu Ringgit itu ialah dua Dollar setengah atau pun dua ratus lima puluh sen. Bercerita tentang wang ini, di sana masih ada lagi perkataan-perkataan yang baru didengar oleh orang-orang dari Malaya tentang cara menghitung wang perkataan-perkataan itu ialah “Saktif: untuk sepuluh sen “setali” untuk dua puluh lima sen, “suku” untuk lima puluh sen dan “sebinggul” atau “sekupang” untuk dua sen setengah. Dua perkataan yang belakangan ini sudah jarang dipakai lagi, kerana wang-wang itu sudah hampir tidak ada dalam peredaran.

Kerana kesusahan dalam menghitung-hitung wang inilah kadang-kadang Kamal mengeluarkan kesemua wang yang ada dalam kantungnya,

untuk menghitung dan melihat-lihat dengan teliti akan tulisan angka di atas wang kertas itu. Ini kemudian sudah tidak dilakukannya lagi kerana saya katakan kepadanya bahawa di Medan banyak tukang cupit (penyeluk saku) yang akan mencuri kesempatan mencopit wangnya itu. Memang di Medan terkenal sebagai pusat tukang cupit, kalah Jakarta dibuatnya hampir tiap-tiap gedung wayang gambar ada tukang copit, mereka itu bercampur gaul dengan orang banyak sehingga tidak ketara yang mana satu dan kalau terjadi satu pencopitnya maka susahlah bagi pegawai polis untuk menangkapnya, apa lagi kebanyakan orang banyak itu tidak mahu memberikan kerjasama, kerana ditakutkan bahawa dia pun kelak akan menjadi mangsa. Hampir tiap-tiap tempat yang ramai, digedung gambar atau di stesen keretapi ada ditaruh pemberitahuan yang berbunyi: awas tukang cupit. Ya, Medan terkenal dengan tukang cupit ini meskipun beberapa kali pihak menjaga keamanan mencuba mahu membasmikannya. Dulu pada satu waktu telah pernah terjadi perkelahian sengit antara tukang-tukang cupit dengan penarik beca. Penarik-penarik beca itu berpendirian bahawa mereka mencari rezeki secara halal dan dengan titik peluhnya sendiri, sedangkan tukang cupit itu hanya mencari mangsanya di antara orang-orang kampung yang tidak berdaya juga kepada salah seorang keluarga tukang beca itu di pusat pasar, yang menyebabkan perkelahian itu meletus.

Waktu kami di Medan, saya ada terbaca sebuah seruan yang dikeluarkan oleh salah sebuah persatuan tani. Seruan itu ditujukan kepada semua tukang cupit yang masih berkeliaran di Kota Medan untuk meninggalkan pekerjaannya yang terkutuk itu dan kembali ke desa menjadi petani, mencari rezeki secara halal. Seruan ini dikeluarkan ialah akibat daripada beberapa orang buruh yang turun ke kota yang telah menjadi mangsa tukang cupit pada hal kaum buruh itu membawa ke kota wang yang

-sambungan dari sebelah.

dipinjamnya dari orang-orang hartawan ataupun daripada majikannya untuk membeli barang-barang keperluannya, tetapi setelah mereka sampai ke kota wangnya itu telah dicupit dan mereka kembali dengan air mata seruan ini ditutup dengan satu ancaman. Iaitu jikalau tukang-tukang cupit itu tidak mahu mengendakan, maka mereka akan kerahkan semua kaum buruh untuk turut mengambil balasan ke kota. Bagaimana akhirnya soal ini belum lagi saya dengar kerana kami telah pulang ke Singapura sebelum itu.

Saya dan Kamāl telah pergi berbelanja pada sebuah toko, yang istimewa menjual barang-barang batik dari jauh. Dalam melihat-melihat kain yang banyak macam ragam warnanya itu. Maka kami pun berkenalanlah antara satu dengan lain, dan demi diketahuinya bahwa kami datang dari Malaya untuk menghadiri kongres bahasa Indonesia. Ia pun mulai menceritakan tentang hal bahasa ini seolah-olah Kota Medan itu telah “diaman bahasa” layaknya. Dua ahli kain yang baik sebagai “oleh-oleh” untuk orang rumah telah dibeli oleh Kamāl. Pada pendapat kami barang-barang ini telah murah harganya, kerana selalu dalam waktu mengira-ngira itu kami membanding-bandingkan dengan wang ringgit Malaya. Memang kalau dibandingkan dengan harga gelap satu ringgit di Malaya dapat ditukar paling kurang sembilan Rupiah atau pun kadang-kadangnya sampai sepuluh dan kalau dengan keturus (peraturan) rasmi pemerintah Indonesia jadi tiga Rupiah tujuh puluh lima sen

Lepas berbelanja Kamal kepingin makan sate Minangkabau. Kami pun lalu pergi makan pada sebuah kedai di depan Orion. Dari sana berjalan lagi dan melihat-lihat barang yang lain.

-Akan disambung.

Sayyid Quṭb

Sayyid Quṭb pengarang Islam yang kenamaan telah ditahan oleh pemerintah Mesir baharu-baharu ini atas tuduhan hendak menggulingkan kerajaan Jamāl Abdul Nāsr.

Sayyid Quṭb ialah ketua badan penyebaran pertubuhan “Ikhwānūl Muslimīn” sayogiya disebut buah pena Sayyid Quṭb Sangat terkenal di seluruh alam Islami. Kitabnya “*al-‘Adālah al-Ijtimā‘iyyah fī al-Islām*” (Kadilān Masyarakat dalam Islam) telah diterjemahkan kebahasa Inggeris oleh sebuah pertubuhan di Amerika.

Sementara itu ‘Abdul Ḥakīm ‘Ābidīn dan Sa‘īd Ramaḍān dua orang pemimpin Ikhwānūl Muslimīn sedang berlindung di uria kubu “Ikhwānūl Muslimīn” yang kedua yang dipimpin oleh Shaykh “Muṣṭafā al-Sabā‘ī” ulama Suria yang berpengaruh

SURAT AKUAN

Saya H. M. D. Ahmadi
146 Pasir Mas, Kelantan mengucapkan
syukur kehadiran ilahi dan berbanyak-banyak
terima kasih kepada tuan tabib yang
tersebut di bawah ini kerana menyembuhkan
penyakit buasir yang saya hadap selama lebih kurang 25
tahun. Buasir yang saya telah digugurkan dengan tak payah dipotong
dan tidak berasa sakit dalam tempoh 12 hari sahaja
Yang demikian saya syorkan kepada saudara-saudara sekalian yang ada
mengidap penyakit ini, silalah datang berjumpa dengan segera
kepada tabib tersebut, Inshā Allāh akan memuaskan. Yang benar



H. M. D. Ahmadi

30.11.54

Tabib H.G Mustaffa,

Punjab Medical Hall,